

## Isu 'Musang King', PGA diarah ke Raub

Oleh **Safeek Affendy Razali** - Julai 6, 2021 @ 2:33pm

[safeek@bh.com.my](mailto:safeek@bh.com.my)

KUALA LUMPUR: Polis Diraja Malaysia (PDRM) menggerakkan Pasukan Gerakan Am (PGA) ke Raub, Pahang, bagi menjaga ketenteraman awam di daerah itu berikut kekecohan membabitkan pekebun durian dan anggota penguat kuasa, semalam.

Ketua Polis Negara, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani, berkata beliau meminta semua pihak yang terbabit mematuhi peraturan undang-undang sedia ada.

"Tentu sekali ada antara mereka yang tidak berpuas hati, namun mereka perlu menggunakan saluran undang-undang yang betul jika terdapat sebarang bantahan terhadap tindakan pihak berkuasa," katanya selepas meninjau kawasan PKPD di Flat Sri Sabah, Cheras, hari ini.



Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani, ketika melakukan lawatan di Lokaliti Perintah

Kawalan Pergerakan diperketatkan (PKPD) di Flat Sri Sabah, Cheras, Kuala Lumpur. - Foto NSTP/Mohamad Shahril Badri Saali

Isu mengenai pencerobohan itu adalah di bawah bidang kuasa dan urusan Pejabat Tanah Daerah Raub dan Jabatan Perhutanan Pahang.

"Pihak PGA di sana (Raub) adalah bagi memastikan keselamatan mereka terjaga semasa menjalankan tugas. PDRM tidak akan berkompromi dengan pihak yang cuba mengganggu-gugat pihak berkuasa yang sedang menjalankan tugas," katanya.

Semalam, Mahkamah Majistret Raub, membenarkan 18 pekebun durian 'Musang King' direman selama dua hari hingga hari ini untuk siasatan lanjut, sementara Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tras, Chow Yu Hui yang turut ditahan dilepaskan dengan ikat jamin kira-kira jam 12 tengah malam.

Semua mereka ditahan Ahad lalu, selepas melakukan beberapa provokasi terhadap kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) ketika operasi penguatkuasaan di Hutan Simpan Kekal (HSK) Batu Talam, Raub.

Operasi memusnahkan kebun haram durian Musang King di dalam Hutan Simpan Batu Talam itu bermula Ahad hingga 2 Ogos ini membabitkan pelbagai agensi kerajaan termasuk PDRM.

Difahamkan, kawasan seluas kira-kira 101 hektar itu mempunyai pokok durian Musang King yang sudah mengeluarkan hasil.

Mengulas tindakan beberapa ahli politik yang merentas negeri dan daerah bagi memberikan sokongan terhadap 18 pekebun durian yang ditahan selepas mengganggu tugas anggota penguat kuasa, Acryl Sani berkata, polis sudah membuka kertas siasatan mengenai perkara itu.

Beliau berkata tindakan sewajarkan akan dikenakan jika terbukti berlaku pelanggaran Prosedur Operasi Standard (SOP) Kawalan Pergerakan Pelan Pemulihan Negara.

Semalam, Ahli Jawatankuasa DAP Kebangsaan dan Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Pelek Ronnie Liu, Ahli Parlimen Bentong Wong Teck dan Ahli Parlimen Raub Tengku Zulpuri Shah Raja Puji dilihat hadir ke Mahkamah Raub bagi menyatakan sokongan mereka terhadap 18 pekebun durian yang direman itu.

Penahanan reman terhadap pekebun itu dibuat bagi membolehkan siasatan Jabatan Perhutanan Pahang berhubung dakwaan meneroka Hutan Simpan Kekal (HSK) Batu Talam, Raub untuk menanam Musang King.



BH  
ONLINE

Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani. - Foto NSTP/Mohamad Shahril Badri Saali  
Sementara itu, mengulas mengenai pelaksanaan PKPD di beberapa kawasan, Acryl Sani berkata, PDRM akan berusaha memastikan setiap masalah dan kesulitan yang dihadapi penduduk dapat diselesaikan, disamping melaksanakan penguatkuasaan di kawasan terbabit.

Acryl berkata, beliau akan membawa segala permasalahan yang dihadapi penduduk di kawasan PKPD ke dalam mesyuarat khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang diadakan setiap minggu.

Pada masa ini pegawai dan anggota polis yang ditugaskan di mana-mana lokaliti pelaksanaan PKPD akan berusaha sedaya-upaya menyelesaikan segala kesulitan serta masalah birokrasi yang dihadapi mana-mana penduduk.

Katanya, setiap pegawai polis akan membantu masalah yang dihadapi penduduk dengan tuntas bagi membantu mereka menjalani kehidupan sehari-hari.

"Kita (polis) sering menerima aduan dan laporan dari penduduk berhubung isu penyediaan bantuan makanan di beberapa kawasan PKPD dan saya percaya perkara ini dapat diperbaiki dengan kerjasama antara polis dan agensi berkaitan terutamanya

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) khususnya dalam kawasan PKPD di Kuala Lumpur dan Selangor.

"Saya juga sudah mengarahkan pegawai dan anggota yang ditempatkan dalam kawasan PKPD untuk memberi bantuan khusus kepada masalah yang dihadapi penduduk," katanya.

Acryl berkata antara masalah lain yang dihadapi penduduk adalah permohonan untuk keluar dan masuk dari kawasan PKPD semasa menghadapi situasi kecemasan dan menuju ke tempat kerja.

"Kita akan menilai dan memeriksa kesahihan setiap permohonan berkenaan berdasarkan perintah yang dilaksanakan dalam PKPD serta masih melarang mereka yang tidak mempunyai urusan penting keluar dari kawasan PKPD demi kebaikan semua pihak bagi mengekang penularan COVID-19.

"Malah terdapat juga permohonan daripada penduduk yang menyatakan mereka berkhidmat dalam sektor penting termasuk mereka yang bekerja dalam sektor kesihatan. Ujian saringan akan dilakukan sebelum mereka dibenarkan keluar dari kawasan PKPD," katanya.

"Kami akan membantu penduduk semampu yang mungkin dan setakat ini dari segi logistik pihak polis tidak menghadapi sebarang masalah.

"Malah kami mempunyai kekuatan yang mencukupi untuk dikerahkan dalam penugasan Op Pematuhan dan Pemantauan serta tugas-tugas pelaksanaan berkaitan COVID-19.



Anggota polis mengawasi operasi memusnahkan kebun durian musang king di Hutan Simpan Batu Talam, Raub. - Foto NSTP/Mohd Rafi Mamat